



kenyataan akhbar

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA

**PELANTIKAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
PENTADBIRAN SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan **YBrs. Dr. Razali bin Ab Malik** sebagai **Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan** mulai **11 Jun 2018**.

2. **YBrs. Dr. Razali bin Ab Malik**, berkelulusan **Sarjana Muda Sains (Kepujian) Geologi** dari **Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Sastera dalam bidang Strategi dan Diplomasi** serta **Doktor Falsafah dalam bidang Dasar Awam** dari universiti yang sama. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 23 tahun apabila mula menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada **25 Januari 1995**. Beliau berpengetahuan luas dalam pembangunan sumber manusia, dasar awam dan penyelidikan berdasarkan pengalaman beliau semasa berkhidmat sebagai:

- Ketua Kluster Pengajian Etika Professional dan Integriti, Institut Tadbiran Awam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- Setiausaha Bahagian, Bahagian Penggalakan Inovasi dan Modal Insan Industri, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; dan
- Penolong Setiausaha, Bahagian Dasar dan Pembangunan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

3. Saya percaya berdasarkan kelayakan, pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh **YBrs. Dr. Razali bin Ab Malik**, beliau akan menggalas tanggungjawab ini dengan berkesan dan berupaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan jentera Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan ke tahap yang lebih tinggi.

4. Pada masa yang sama, bagi pihak Kerajaan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB. Dato' Seri Mat Ali bin Hassan atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau sepanjang menjawat jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.



(TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA)

Ketua Setiausaha Negara

// Jun 2018